

Norma baharu tuntutan daya tahan penjawat awam



Timbalan
Pengarah Kanan,
Institut Tadbiran
Awam Negara
(INTAN)

Oleh Salinah Ismail
bhrencana@bh.com.my

Ancaman pandemik COVID-19 memberi kesan besar terhadap ekonomi dan kesejahteraan masyarakat hingga mewujudkan cabaran kepada jentera pentadbiran kerajaan.

Ia turut diperakui Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam Dasar Keselamatan Negara menggariskan pandemik sebagai antara ancaman berimpak besar terhadap keselamatan negara dan kelangsungan Malaysia sebagai negara berdaulat.

Pandemik turut menjejaskan psikologi dan kesihatan mental individu. Kajian Aziff Azuddin dan Idris Zakaria pada tahun lalu terhadap 1,103 responden ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mendapati 48 peratus responden mengalami kebimbangan; kemurungan (45 peratus) dan stres (34 peratus).

Seramai 22 peratus responden melaporkan kebimbangan teruk dan sangat teruk; manakala 20 peratus dan 15 peratus mengalami tahap kemurungan serta stres sangat membimbangkan.

Malah, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata sebanyak 145,173 panggilan orang ramai terkesan secara psikologi dan emosi akibat COVID-19 diterima talian *helpline* agensi kerajaan an-

tara 25 Mac 2020 hingga 20 Mei lalu dan 85.5 peratus membabitkan isu berkaitan kesihatan mental.

Penjawat awam, khususnya petugas kesihatan turut terkesan dengan pandemik ini. Kajian terhadap 109 petugas kesihatan menguruskan kes COVID-19 oleh Sim Sze Kiat mendapati semua petugas kesihatan berkenaan mengalami simptom psikologi, iaitu kebimbangan ringan dan stres ringan (57.1 peratus) dan hampir separuh responden mengalami kemurungan ringan (41 peratus).

Kerajaan mengambil pelbagai langkah memastikan aspek kesihatan dan kesejahteraan rakyat terus diberikan keutamaan.

Antaranya, Talian Sokongan Psikososial COVID-19 dikendalikan petugas psikologi Kementerian Kesihatan (KKM) dan sukarelawan MERCY Malaysia serta Talian Khas Kaunseling COVID-19 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat beroperasi 24 jam.

Pada masa sama, banyak seminar dan ceramah motivasi diadakan dalam talian oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pakar motivasi persendirian secara tidak langsung membantu kestabilan emosi dan mental mereka terkesan.

Masyarakat juga perlu memainkan peranan dengan pendekatan saling mengambil berat. Hubungan sosial sesama jiran, keluarga dan rakan perlu diperkukuhkan melalui telefon atau secara maya.

Pepatah 'jaga tepi kain orang' seharusnya diamalkan atas dasar tanggungjawab sesama insan.

Dalam konteks perkhidmatan awam, pandemik menyebabkan perubahan dalam sistem penyampaian perkhidmatan. Aspek teknologi dan digitalisasi diberikan keutamaan dan digunakan meluas serta menjadi norma baharu dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Perubahan ini menuntut masyarakat khususnya penjawat awam agar mempunyai tahap adaptabiliti, daya tahan, berfikiran positif dan motivasi tinggi dalam mengharungi saat getir ini.

Ia seiring hasrat Perdana Menteri ketika melancarkan Sambutan Hari Pekerja yang menghendaki kita kekal berdaya tahan dan berusaha saling memperkukuh dalam menyumbang kepada kemakmuran negara.

Usaha ini memerlukan penjawat awam khususnya petugas barisan hadapan dan rakyat di negara ini agar kekal tabah dan bangkit serta terus berjuang dalam menguruskan pandemik ini.

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) umpamanya menyediakan seminar dan kursus memberi nilai tambah dalam meningkatkan kesejahteraan psikologi, seterusnya mewujudkan penjawat awam memiliki jati diri dalam aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku unggul.

Semoga ia dapat membentuk penjawat awam mempunyai nilai moral dan etika tinggi, berdaya saing, sadar potensi diri serta mempunyai kekuatan psikologi mendepani cabaran semasa dan masa hadapan.